

KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)
16 OGOS 2016



KEADAAN BERJEREBU KEMBALI

Keadaan berjerebu kembali melanda beberapa kawasan di Lembah Klang termasuk beberapa kawasan di Melaka dan Negeri Sembilan pada pagi ini. Keadaan ini dipengaruhi oleh jerebu merentas sempadan berikutan kebakaran tanah dan hutan di Sumatera Tengah, Indonesia yang dibawa oleh angin Monsun Barat Daya. Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 15 Ogos 2016, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan di Indonesia terus meningkat berbanding beberapa hari lalu. Melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 19*, sebanyak 48 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, manakala sebanyak 49 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan. Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh pihak *ASMC* pada 15 Ogos 2016 adalah seperti di **Rajah 1**.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) memantau rapi status dan tren kualiti udara setiap jam berikutan masih terdapat titik-titik panas (hotspots) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang boleh menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan berterusan ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan ke negeri Sarawak. Selain itu, 3 titik panas (hotspot) dikesan dalam negara iaitu di negeri Pahang(1) dan Sarawak(2) akan disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

Untuk tidak memburukkan keadaan berjerebu, semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

16 Ogos 2016

PETA JEREBU SERANTAU, 15 OGOS 2016

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)

